



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk :

MUFTI SEGERA

Tarikh Dibaca :

**25 JAMADIL AKHIR 1443H/
28 JANUARI 2022M**

Disediakan oleh :

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

JAKIM
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

MUFTI SEGERA

25 JAMADIL AKHIR 1443H / 28 JANUARI 2022

الحمد لله القائل:

﴿أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ﴾

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَلَوْ
عَآمَنَ أَهْلُ الْكِتَابِ لَكَانَ خَيْرًا لَهُمْ مِّنْهُمْ الْمُؤْمِنُونَ وَأَكْثَرُهُمُ الْفَاسِقُونَ ﴿١١٠﴾
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ
وَصَفِيَّهُ وَحَبِيبَهُ مِنْ بَعَثَهُ اللَّهُ رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ هَادِيًا وَمُبَشِّرًا وَنَذِيرًا بَلَّغَ الرِّسَالَةَ وَأَدَّى
الْأَمَانَةَ وَنَصَحَ الْأُمَّةَ وَجَاهَدَ فِي اللَّهِ حَقَّ جِهَادِهِ فَجَزَاهُ اللَّهُ عَنَّا خَيْرًا مَّا جَزَى نَبِيًّا مِنْ
أَنْبِيَآئِهِ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ خَاتَمِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ
لَعَلَّكُمْ تَرْحَمُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Marilah kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan kita dinaungi rahmat dan kasih sayang Allah SWT di dunia dan di akhirat. Pada hari ini, marilah kita menghayati khutbah yang bertajuk: “**Mufti Segera**”.

Sebelum itu, saya ingin mengingatkan agar kita terus melakukan kawalan sendiri dengan sebaiknya bagi mengelakkan terdedah kepada bahaya wabak penyakit kerana mencegah itu lebih baik daripada mengubati. Saya juga ingin menyeru kepada seluruh umat Islam,

marilah sama-sama kita mengimarahkan masjid pada setiap waktu terutamanya seruan bersegera hadir ke masjid bagi menunaikan solat Jumaat dan mendengar dengan tekun khutbah yang disampaikan kerana ganjarannya terlalu besar sebagaimana disebutkan dalam Sahih Muslim bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ اغْتَسَلَ ثُمَّ أَتَى الْجُمُعَةَ فَصَلَّى مَا قَدَّرَ لَهُ ثُمَّ انْصَتَ حَتَّى يَفْرُغَ مِنْ خُطْبَتِهِ ثُمَّ يَصِلِي
مَعَهُ غُفِرَ لَهُ مَا بَيْنَهُ وَبَيْنَ الْجُمُعَةِ الْأُخْرَى وَفَضْلُ ثَلَاثَةِ أَيَّامٍ

Mafhumnya: “Barangsiapa yang mandi kemudian pergi (ke masjid untuk solat) Jumaat, kemudian mendirikan solat semampunya, seterusnya diam mendengarkan khutbah hingga selesai kemudian solat bersama imam, nescaya akan diampuni dosa-dosanya antara Jumaat itu hingga Jumaat berikutnya dan ditambah tiga hari lagi”.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Kecanggihan teknologi maklumat pada hari ini membuka ruang yang sangat luas kepada sesiapa sahaja untuk mengulas, membahaskan dan mengkritik serta mengeluarkan pandangan tentang semua isu termasuklah dalam hukum agama. Baru-baru ini, tular sebuah video yang mendakwa bahawa seseorang Muslim itu tidak perlu menegur sesuatu kesalahan orang lain, mendakwa bahawa Islam dipecahkan mengikut geografi muka bumi, serta mengajak orang ramai untuk mentafsir al-Quran mengikut pemahaman sendiri. Tindakan ini adalah salah dan bertentangan dengan perintah Allah SWT.

Sememangnya terlalu banyak dalil sama ada dari al-Quran mahupun hadis Rasulullah SAW yang memerintahkan kaum Muslimin untuk saling menegur sesuatu kesalahan atau kemungkaran. Konsep inilah yang dinamakan *amar ma'ruf* dan *nahi munkar* yakni menyeru melakukan kebaikan dan mencegah kemungkaran. Allah SWT mengutuskan para rasul-Nya di atas muka bumi ini bertujuan menyuruh melakukan kebaikan dan mencegah kemungkaran. Seandainya *amar ma'ruf* dan *nahi munkar* itu diabaikan atau tidak dipedulikan, maka berleluaslah kemungkaran di muka bumi. Perintah melaksanakan *amar ma'ruf* dan *nahi munkar* antaranya sebagaimana yang terkandung dalam Surah ali Imran ayat 110 yang bermaksud:

“Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman). Dan kalaulah Ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani) itu beriman (sebagaimana yang semestinya), tentulah (iman) itu menjadi baik bagi mereka. (Tetapi) antara mereka ada yang beriman dan kebanyakan mereka: orang-orang yang fasiq”.

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI ALLAH,

Sebagai umat Islam, kita perlu faham sumber-sumber hukum dalam Islam yang telah disepakati oleh majoriti ulama' ialah al-Quran iaitu *kalamullah* yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW yang mengandungi hukum-hukum berkaitan akidah, syariah, akhlak, muamalah, munakahat dan bermacam-macam lagi. Selain itu, sumber hukum dalam Islam ialah hadis Rasulullah SAW, *ijma'* dan *qiyas*. Ini bersandarkan kepada firman Allah SWT dalam Surah al-Nisaa' ayat 59:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِيَ الْأَمْرِ مِنْكُمْ فَإِن تَنَزَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِن كُنتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا ٥٩

Maksudnya: *“Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Ulil-Amri" (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (al-Quran) dan (Sunnah) RasulNya - jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya”.*

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Islam juga meletakkan panduan kepada umatnya agar menyerahkan sesuatu urusan itu kepada ahlinya, iaitu orang yang berkepakaran dalam bidang berkenaan lebih-lebih lagi dalam urusan agama yang melibatkan hukum. Bukan semua perkara boleh kita ulas kerana kemampuan yang terbatas dan disiplin ilmu yang luas. Oleh sebab itu, Allah SWT berfirman dalam Surah al-Anbiyaa' ayat 7:

فَسْأَلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ ۖ

Maksudnya: “maka bertanyalah kamu kepada AhluzZikri (orang-orang yang berilmu) jika kamu tidak mengetahui”.

Dalam urusan hukum-hakam agama pula, orang awam perlu merujuk kepada *ahli zikr* yakni ahli ilmu dan pihak berautoriti seperti JAKIM, Jabatan Mufti Negeri-Negeri, dan Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri sebagai sumber autoriti dan tidak mengambil pandangan yang bercanggah. Perlu diketahui bahawa setiap keputusan yang dibuat oleh badan berautoriti telah melalui beberapa peringkat perbincangan, kajian, serta perbahasan bagi menatijahkan sesuatu keputusan yang bertepatan dengan syara' dan dalam masa yang sama mengambil kira keperluan dari segi *waqi'* iaitu realiti semasa dan setempat yang berlaku. Tidaklah ia dibuat secara semberono. Ingatlah bahawa Rasulullah SAW pernah bersabda:

مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيَقُلْ خَيْرًا أَوْ لِيَصْمُتْ

Maksudnya: “Barangsiapa yang beriman dengan Allah dan hari akhirat, maka hendaklah dia berkata baik atau dia diam”. (Hadis riwayat Imam al-Bukhari dan Imam Muslim)

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Mimbar pada hari ini juga ingin mengambil kesempatan **merakamkan ucapan tahniah kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia yang menyambut Hari Kastam Sedunia Kali Ke-40 pada 26 Januari 2022 yang lalu.** Jabatan Kastam Diraja Malaysia berperanan membangunkan ekonomi negara melalui kutipan cukai yang memberi hasil kepada negara serta membanteras segala bentuk penyeludupan yang mengancam keselamatan negara. Semoga Jabatan Kastam Diraja Malaysia dapat terus melaksanakan tugas dengan penuh integriti memacu pertumbuhan ekonomi, memelihara keselamatan negara juga kesejahteraan rakyat.

Justeru, mengakhiri khutbah pada hari ini, saya ingin merumuskan khutbah kepada tiga rumusan:

Pertama: Tugas *amar ma'ruf* dan *nahi munkar* merupakan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh setiap kaum muslimin.

Kedua: Segala hukum syara' yang telah ditetapkan dalam al-Quran, hadis, *ijma'* dan *qiyas* merupakan tanggungjawab yang telah terletak pada bahu mukalaf.

Ketiga: Jangan terlalu ghairah untuk mengulas apa jua isu yang timbul kerana tindakan yang berlandaskan hawa nafsu hanya akan menjerumuskan seseorang itu kepada penyesalan.

Ingatlah bahawa pada hari akhirat kelak, akan dibawa catatan amal perbuatan kita berserta segala saksi sesama manusia dan makhluk yang lain, termasuk juga anggota jasad manusia. Firman Allah SWT:

الْيَوْمَ نَخْتِمُ عَلَىٰ أَفْوَاهِهِمْ وَتُكَلِّمُنَا أَيْدِيهِمْ وَنَشْهَدُ أَرْجُلُهُمْ بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ ٦٥

Maksudnya: “Pada hari ini Kami materikan mulut mereka (sejurus); dan (memberi peluang kepada) tangan-tangan mereka memberitahu Kami (kesalahan masing-masing), dan kaki mereka pula menjadi saksi tentang apa yang mereka telah usahakan”. (Surah Yasin ayat 65)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
 وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
 وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،
 فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ
وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرُكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ، أَمْرُكُمْ
بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى
النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ٥٦

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي
التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.
اللَّهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَةَ مَلَكْنَا كَبَاوَه دُولِي يَغْ مَهَا
مُولِيَا سَرِي قَدُوكْ بَكِينْدَا يَغْ دَفْرَتَوَانِ اَكُوغْ، السُّلْطَانَ عَبْدَ اللَّهِ رِعَايَةَ الدِّينِ الْمُصْطَفَى
بِاللَّهِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ حَاجِ أَحْمَدِ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ.

وَكَذَلِكَ كَبَاوَه دُولِي يَغْ مَهَا مُولِيَا سَرِي قَدُوكْ بَكِينْدَا رَاجِ فَرْمَايسُورِي اَكُوغْ، تُونُكُو
حَاجِهِ عَزِيزِهِ أَمِينِهِ مِيمُونِهِ إِسْكَندَرِيهِ بِنْتِ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكَّلِ عَلَى اللَّهِ سُلْطَانَ
إِسْكَندَرَ الْحَاجِ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَءَهُ وَقَضَاتَهُ وَعَمَّالَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا أَمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءَ رِخَاءٍ، دَارَ عَدْلِ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، وَسَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ اعْرِضْ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمَّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصِرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ، وَاخْذَلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمُحَنِّ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Engkaulah yang Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. Kami hamba-Mu yang lemah, merayu kepada-Mu agar Engkau ampunkan segala dosa yang telah kami lakukan selama ini. Hindarkanlah kami dari sebarang bala bencana, waba' penyakit, perbuatan-perbuatan keji dan munkar, seperti rasuah, salah guna kuasa dan hiburan yang melalaikan. Hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

Ya Allah! Satukanlah kami atas agama-Mu dan hindarkan kami dari perselisihan yang berpanjangan. Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah serta tekun mengimarahkan masjid. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, doa kami mohon diperkenan dan diterima.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ١٠
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.